

Headline	Terharu semangat penderita AIDS		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Dec 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	138,805
Page No	4	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	666 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 22,548
Frequency	Daily	PR Value	RM 67,643



Terharu semangat penderita AIDS

» **Masyarakat harus sama-sama membantu bukan menyisihkan mereka**

Salam semua! Semoga semua pembaca di luar sana dalam keadaan sihat walafiat selalu. Bersyukurilah kita semua kerana sentiasa diberi peluang untuk melihat keindahan Allah SWT setiap hari dalam keadaan sihat dan sejahtera.

Pada minggu yang lepas, aku berpeluang ke Terengganu atas tanggungjawab sebagai RedRibbon Celebrity Supporters dan tanda sokong dalam acara Hari AIDS Sedunia.

Sudah tentu ia adalah satu pengalaman yang tidak dapat dilupakan. Bagi mereka yang tidak tahu, aku dan beberapa rakan artis lain bekerjasama dan menyokong penuh pertubuhan Red Ribbon.

Pertubuhan ini bertanggungjawab untuk menyelaraskan segala isu dan menyokong mereka yang dijangkiti virus HIV, khususnya di Malaysia. Apa yang aku lihat ketika berada

di Terengganu pada ketika itu sungguh menyayat hati dan menginsafkan.

Izinkan aku untuk terangkan sedikit tentang virus HIV dan AIDS di sini. HIV adalah virus yang menyerang sistem ketahanan badan melawan penyakit (sistem imun). AIDS pula adalah peringkat jangkitan HIV apabila sistem imun menjadi terlalu lemah untuk melawan penyakit dan terdedah kepada jangkitan oportunistik yang mengambil kesempatan seperti tibi, radang paru-paru PCP dan

lain-lain.

Aku berkesempatan untuk mendengar keluhan dan masalah yang dikongsikan oleh pesakit dalam menangani penyakit HIV ini. Ada di kalangan wanita yang tidak bersalah sebenarnya menghidapi HIV melalui suaminya sendiri.

Sejak mereka berumah tangga, dia tidak tahu menahu tentang virus yang dihidapi oleh suaminya. Dalam situasi begini, si isteri itu hanya dapat berdoa dan reda dengan apa yang dialaminya. Semangatnya untuk terus hidup seperti orang lain begitu membara dan positif.

Ada juga sesetengah penyakit yang dijangkiti HIV melalui penagihan dadah. Tetapi apa yang lebih menyedihkan lagi adalah melihat anak kecil yang tidak bersalah tetapi terpaksa menanggung penderitaan ini sepanjang hayat mereka.

Kagum dengan ketabahan

Lawatan aku ke sana dan berjumpa dengan pesakit yang dijangkiti HIV sungguh di luar jangkaan. Mereka kelihatan normal dan sentiasa tersenyum walaupun aku tahu jauh di lubuk hati mereka mungkin ada perasaan kesedihan dan kekecewaan.

Semangat dan harapan positif itulah yang membuat mereka sentiasa lebih kuat dan tabah untuk meneruskan kehidupan harian. Mereka tidak memberi peluang pada virus ini untuk mengambil setiap saat manis dalam kehidupan mereka.

Mereka enggan menyerah kalah dan sentiasa menepatkan keazaman dan keyakinan untuk sentiasa bersikap positif. Sesungguhnya mereka sedar, bukan mudah untuk menumpang kehidupan seharian di kalangan masyarakat yang sentiasa bersikap stereotipe dan mendiskriminasi golongan yang tidak bernasib baik ini.

Kenapa masyarakat harus takut dan bersikap janggal dengan kehadiran mereka?

Mungkin masyarakat kurang kesedaran tentang virus ini?

Buang perasaan risau

Apa yang ingin aku kongsi dan menyeru pada setiap lapisan masyarakat adalah untuk menghentikan stigma, tanggapan, pandangan atau paranoid pada mereka yang menghidapi virus HIV mahupun AIDS.

Sedikit maklumat mengenai bagaimana seseorang itu boleh dijangkit AIDS adalah hanya melalui 3 cara iaitu;

- Hubungan seks tanpa perlindungan kondom dengan orang yang dijangkiti HIV;
- Perkongsian jarum suntikan yang tercemar dengan HIV.

- Jangkitan daripada ibu yang dijangkiti HIV kepada anak, sama ada sewaktu dalam kandungan, kelahiran atau penyusuan badan.

Untuk pengetahuan semua, AIDS TIDAK boleh dijangkiti jika berkongsi sudu mahupun pinggan mangkuk dengan mereka. Berpelukan

atau berdekatan dengan mereka TIDAK akan membuat anda dijangkiti virus tersebut.

Jadi usah risau atau terlalu takut untuk mendekati atau memberi sokongan pada mereka.

Alhamdulillah, sudah terbukti bahawa mereka yang mendapat rawatan selama ini berada dalam kedudukan dan kesihatan yang terbaik. Dengan sokongan dan dana dari kerajaan dan penderma, penderitaan dan beban pesakit dapat dikurangkan.

Lebih menggembirakan adalah dengan cara perubatan yang terbaik dan terperinci, pesakit ini mampu untuk berkahwin dan menerima zuriat yang sihat, jauh daripada HIV positif. Kesimpulannya, virus ini mampu disekat dan pesakit ini mampu untuk hidup seperti normal.

Aku berharap, coretan kali ini dapat memanfaatkan kita semua. Semoga kita sentiasa membantu dan memberi sokongan antara satu sama lain. Siapalah kita untuk membezakan mahupun mendiskriminasi ciptaan Allah SWT di muka bumi ini? Allah lebih maha mengetahui.

Akhir kata, aku ingin mengucapkan terima kasih kepada penganjur dan sukarlawan terutamanya Majlis AIDS Malaysia (MAC) yang bekerja keras dan berusaha untuk memberikan yang terbaik dalam kerja semulia ini. Semoga Tuhan sahaja yang membalas jasa dan budi anda semua! Salam.

Headline	Terharu semangat penderita AIDS		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Dec 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	138,805
Page No	4	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	666 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 22,548
Frequency	Daily	PR Value	RM 67,643



Headline	Terharu semangat penderita AIDS		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Dec 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	138,805
Page No	4	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	666 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 22,548
Frequency	Daily	PR Value	RM 67,643

“
SEMANGAT DAN HARAPAN POSITIF ITULAH YANG MEMBUAT MEREKA SENTIASA LEBIH KUAT DAN TABAH UNTUK MENERUSKAN KEHIDUPAN HARIAN. MEREKA TIDAK MEMBERI PELUANG PADA VIRUS INI UNTUK MENGAMBIL SETIAP SAAT MANIS DALAM KEHIDUPAN MEREKA”